

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 8 OGOS 2024
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 25

Atasi prestasi dolar AS 10 hari berturut-turut

Ringgit satu-satunya mata wang di Asia yang mengukuh berbanding dolar AS setakat ini, kata Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli.

Rafizi dalam harianan di laman sosial media X berkata, beberapa perkembangan terkini ekonomi negara, termasuk naratif ekonomi yang meyakinkan, pelaburan asing yang makin meningkat, komitmen pengukuhan fiskal dan pertumbuhan ekonomi Malaysia yang diunjur berkembang 5.8 peratus pada saku kedua 2024, mata wang ringgit sedang menunjukkan tanda-tanda pengukuhan mendadak.

Katanya, mata wang tempatan mengatasi prestasi dolar AS selama 10 hari berturut-turut, iaitu prestasi terbaik dalam 14 tahun.

"Setakat ini, ringgit mengukuh sebanyak 2.16 peratus berbanding dolar AS. Malah, prestasi ringgit juga mengatasi beberapa mata wang utama antarabangsa seperti pound British, RMB China dan Euro.

"Ringgit adalah satu-satunya mata wang di Asia yang mengukuh berbanding dolar AS setakat ini, kata Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli.

"Hal ini membuktikan bahawa hala tuju dasar kerajaan sedang berhasil dan mula menarik perhatian dan keyakinan pelabur semula," katanya.

Beliau berkata, komitmen Kerajaan Perpaduan terhadap pembaharuan fiskal yang sukar dan perancangan ekonomi yang komprehensif telah menghasilkan satu naratif pertumbuhan ekonomi yang baharu.

"Bergerak ke hadapan, kita menjalankan pemotongan kadaidafah pertama di Amerika Syarikat yang boleh berlaku seawal pertengahan September akan terus mengukuhkan lagi kedudukan ringgit.

"Walupun terdapat kata sepakat dalam kalangan firma penyelidikan bahawa ringgit akan

terus mengukuh, tumpuan saya kekal pada pelaksanaan dasar yang dirancang secara berkesan.

"Ekonomi dunia akan terus bergolak dalam masa terdekat yang akan terus mempengaruhi turun naik ringgit.

"Nilai ringgit hanya akan dapat dipertahankan daripada ketidaktentuan global ini sekiranya ekonomi negara distrukturnya ke arah ber teknologi tinggi untuk memastikan pertumbuhan ekonomi yang mampan," katanya.

Ringgit dibuka tinggi sedikit pada pagi semalam berbanding dolar AS apabila pelabur mengambil pendekataan tunggu dan lihat terhadap perkembangan ekonomi terkini.

Semalam ringgit diniagakan pada paras sekitar 4.47 hingga 4.49 berbanding dolar AS.



Rafizi Ramli

